



Bank Pilihan Anda

SOALAN LAZIM
KEMPEN “AR-RAHNU YAPEIM BAYAR DAN MENANG”
KATEGORI A (AR-RAHNU YAPEIM)

1. Apakah itu kempen Ar-Rahnu YaPEIM Bayar dan Menang?

Kempen ini merupakan kempen khas untuk semua cawangan Ar-Rahnu YaPEIM yang menggunakan POS Terminal Bank Rakyat.

2. Bilakah kempen ini akan berlangsung?

Kempen ini berlangsung pada 1 September 2024 hingga 31 Disember 2024.

3. Siapakah yang layak untuk menyertai kempen ini?

Kempen ini melibatkan semua cawangan Ar-Rahnu YaPEIM yang menggunakan POS Terminal seperti di Lampiran 1.

Cawangan Ar-Rahnu YaPEIM yang tidak menggunakan POS Terminal boleh memohon sepanjang tempoh kempen dijalankan dan juga layak untuk mengambil bahagian dalam kempen ini (hanya dalam tempoh kempen sahaja).

4. Bagaimanakah cara untuk menyertai kempen ini?

Cawangan Ar-Rahnu YaPEIM yang terlibat hendaklah menggunakan POS Terminal Bank Rakyat sebagai kaedah pembayaran kad bagi semua transaksi oleh pemegang kad Bank Rakyat.

5. Apakah hadiah yang ditawarkan menerusi kempen ini?

Hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:

| Kelayakan | Hadiah |
|---|--|
| <p>a) Lima (5) cawangan Ar-Rahnu YaPEIM dengan jumlah penjualan tertinggi dan;</p> <p>b) Lima (5) cawangan Ar-Rahnu YaPEIM dengan jumlah transaksi terbanyak.</p> | <p><u>Hadiah Utama</u></p> <p>Ganjaran Tunai RM3,000</p> <ul style="list-style-type: none">• 1 cawangan Ar-Rahnu YaPEIM dengan penjualan paling tertinggi dan;• 1 cawangan Ar-Rahnu YaPEIM dengan jumlah transaksi paling terbanyak. <p><u>Hadiah Sagu Hati</u></p> <p>Ganjaran Tunai RM1,000</p> <ul style="list-style-type: none">• Lapan cawangan Ar Rahnu YaPEIM yang layak |

6. Bagaimanakah pemilihan pemenang dilakukan untuk kempen ini?

Pemilihan pemenang akan dibahagikan kepada dua kategori iaitu:

- Lima (5) cawangan Ar-Rahnu YaPEIM dengan penjualan tertinggi dan;
- Lima (5) cawangan Ar-Rahnu YaPEIM dengan jumlah transaksi terbanyak.

- Untuk pemilihan pemenang utama daripada 10 pemenang yang dipilih berdasarkan dua kategori yang dipertandingkan, satu cawangan Ar-Rahnu YaPEIM teratas yang layak bagi setiap kategori akan diberikan hadiah utama.



Bank Pilihan Anda

- Manakala lapan cawangan Ar-Rahnu YaPEIM yang layak akan menerima hadiah sagu hati.
- Setiap cawangan Ar-Rahnu YaPEIM yang terpilih (jika dipilih sebagai pemenang) hanya layak memenangi satu (1) hadiah untuk satu (1) kategori sahaja.
- Pemenang akan dipilih oleh Bank Rakyat berdasarkan laporan invois transaksi dan penjualan melalui POS Terminal Bank Rakyat (jumlah terkumpul).
- Semua pemenang akan dimaklumkan melalui panggilan telefon atau lain-lain kaedah yang dianggap bersesuaian oleh Bank Rakyat.

7. Bagaimakah cara pemberian hadiah kepada pemenang?

Bank Rakyat akan memasukkan ganjaran tunai ke Akaun Semasa-i Elektronik pemenang.

8. Bilakah pengumuman pemenang akan dibuat?

Pemenang kempen ini akan diumumkan dalam masa tiga (3) minggu selepas kempen berakhir.

9. Adakah hadiah yang ditawarkan untuk kempen ini boleh dipindah milik kepada pihak ketiga?

Tidak boleh.

10. Di manakah maklumat lanjut berkaitan kempen ini boleh didapati?

Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut berhubung kempen ini boleh didapati di:

- a) Laman Sesawang Bank Rakyat www.bankrakyat.com.my
- b) Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1 300 80 5454
- c) Pusat Kad Bank Rakyat: 03-2693 6880
- d) Laman sosial Bank Rakyat (Instagram/Facebook).